

Panduan Operasi Standard
INKUBATOR KEUSAHAWANAN
Politeknik dan Kolej Komuniti



Kementerian Pengajian Tinggi

**BUKU PANDUAN OPERASI STANDARD
INKUBATOR KEUSAHAWANAN
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**UNIT KEUSAHAWANAN DAN ALUMNI
BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR
JABATAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Centre of Entrepreneurship Development
Polytechnic and Community College (CEDev)
Cetakan Pertama 2021
©Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP),
JPPKK, Putrajaya

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Unit Keusahawanan dan Alumni
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Galeria PJh, Aras 6, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4, 62100
W.P. Putrajaya

Tel: 03-88883837

e ISBN 9789671708231

Reka bentuk kulit buku, atur huruf dan reka letak grafik oleh

Dicetak oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan Inkubator Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti

1. Education, Higher--Malaysia.
2. Government publications--Malaysia.

GLOSARI

- a. Inkubator**
- b. Kiosk**
- c. Ruang Inkubator**
- d. Kiosk vs Ruang Inkubator**
- e. Alumni Usahawan**
- f. Rakan Industri**
- g. Mentor Keusahawanan**
- h. Mentor Industri**
- i. Ketua Unit Keusahawanan**
- j. Schedule of Accomodation (SOA)**
- k. Client Brief of Requirement (CBOR)**
- l. SIPOC**
- m. SWIMLANE**
- n. Sistem Jana Pendaftaran CEDev (SJPC)**
- o. MyNEPT**

SENARAI KANDUNGAN

Bahagian	Tajuk	Halaman
	Glosari	i
	Senarai Kandungan	ii
	Senarai Rajah	v
	Senarai Kandungan	vi
	Sidang Redaksi	viii
	Penghargaan	ix
	Kata Aluan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti	x
	Kata Aluan Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar	xi
1	MAKLUMAT UMUM	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Kumpulan Sasar	
	1.3 Skop Program Inkubator Keusahawanan	1
	1.4 Objektif	2
	1.5 Pusat Pembangunan Keusahawanan JPPKK	2
	1.6 Punca Kuasa	2
	1.7 Model Pelaksanaan Inkubator Politeknik dan Kolej Komuniti	3
2	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN INKUBATOR	4
	2.1 Peranan Pusat Keusahawanan JPPKK	4
	2.2 Peranan Institusi	
	2.2.1 Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti	4
	2.2.2 Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti	4
3	PENGURUSAN INKUBATOR	5
	3.1 Penubuhan Pasukan Inkubator	5
	3.1.1 Pemilihan Perantis	5
	3.1.2 Pemilihan Bidang Perniagaan	5
	3.2 Pendaftaran Perniagaan	6
	3.2.1 Pendaftaran Perniagaan di Malaysia	6
	3.2.2 Pendaftaran Inkubator di CEDev	6
	3.2.3 Sistem Pendaftaran Perniagaan CEDev (SPPC)	7
	3.2.4 Borang Pendaftaran Perniagaan	10

Bahagian	Tajuk	Halaman
	3.2.5 Perubahan Maklumat Perniagaan	10
	3.2.6 Pembaharuan Perniagaan	10
	3.2.7 Kod Pendaftaran Perniagaan Inkubator Janaan SPPC	11
	3.2.8 Kod Pendaftaran Perniagaan Inkubator Janaan SPPC	11
	3.3 Mentor	12
	3.3.1 Mentor Keusahawanan	13
	3.3.2 Mentor Industri	13
4	KEWANGAN	15
	4.1 Pengurusan Peruntukan	15
	4.1.1 Permohonan Peruntukan	15
	4.1.2 Kriteria Asas Permohonan	15
	4.1.3 Penyediaan Kertas Cadangan	15
	4.1.4 Pemberitahuan Keputusan dan Penyaluran Peruntukan	16
	4.1.5 Perbelanjaan Peruntukan	16
	4.2 Sumber Modal Inkubator	17
	4.2.1 Sumbangan Agensi	17
	4.2.2 Sumbangan luar/ Industri	17
5	INFRASTRUKTUR DAN FASILITI	18
	5.1 Penyediaan Ruang Inkubator	18
	5.2 Menggunakan Ruang Dan Fasiliti Sedia	18
	5.2.1 Tatacara	18
	5.3 Guna Sama Ruang Dan Fasiliti PdP	19
	5.3.1 Tatacara	19
	5.4 Menaik Taraf Dan Menukar Fungsi Ruang Sedia Ada / Baharu Sekiranya Tiada Ruang Khas	20
	5.4.1 Tatacara	20
	5.5 Permohonan Sewaan Ruang Baharu	21
	5.5.1 Tatacara	21
	5.6 Penglibatan Alumni Usahawan Atau Rakan Industri	22
	5.6.1 Tatacara	22

Bahagian	Tajuk	Halaman
6	PENGOPERASIAN INKUBATOR	23
	6.1 Proses Pelaksanaan Inkubator	23
	6.2 Operasi Perniagaan	26
	6.3 Prosedur Pengurusan Kewangan	26
	6.3.1 Perekodan Kewangan	26
	6.3.2 Hasil Inkubator	26
	6.4 Latihan dan Peningkatan Kemahiran Keusahawanan	26
	6.5 Pemantauan	27
	6.5.1 Laporan Operasi Inkubator	27
	6.5.2 Laporan Hasil Jualan	27
7	KOLABORASI BERIMPAK TINGGI	28
	7.1 Strategi Kolaborasi	28
	7.2 Rakan Strategik	29
8	PENJANAAN NILAI	30
	8.1 Penjanaan Nilai	30
	8.1.1 Peserta/Pelajar Inkubator	30
	8.1.2 Pensyarah/Mentor Keusahawanan	30
	8.1.3 Mentor Industri	30
	8.1.4 Institusi	31
	8.1.5 JPPKK	31
	PENUTUP	31
	Lampiran	

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Model Pelaksanaan Inkubator di Kolej Komuniti	3
Rajah 1.2 : Model Pelaksanaan Inkubator di Politeknik	3
Rajah 3.1 : Carta Alir Tatacara Pendaftaran Melalui SPPC	8
Rajah 3.2 : Sijil Pendaftaran SPPC	9
Rajah 3.3 : No. Pendaftaran SPPC	11
Rajah 3.4 : Penerangan Kod Pendaftaran CPPC	12
Rajah 4.1 : Carta Alir Permohonan Peruntukan	16
Rajah 5.1 : Penggunaan ruang sedia ada	18
Rajah 5.2 : Guna sama ruang dan Fasiliti PdP	19
Rajah 5.3 : Menaik taraf dan menukar fungsi ruang sedia ada/permohonan baharu	20
Rajah 5.4 : Permohonan ruang sewaan baharu	21
Rajah 5.5 : Permohonan untuk rakan Alumni dan rakan industri	22
Rajah 6.2 : SWIMLANE Inkubator Keusahawanan	25
Rajah 6.3 : Carta Organisasi	26

Senarai Jadual

Jadual 6.1 : SIPOC Inkubator Keusahawanan

23

Sidang Redaksi

Penaung

Ts. Zainab Binti Ahmad

Penasihat

En. Roslee Bin Yahya

Pengerusi

Pn. Noranyza Binti Mohamad Yusoff

Timbalan Pengerusi

Hj Mohd Nor Mazlan Bin Ismail

Editor

En. Mohd Reza Fadhlán Bin Daud

Pn. Mastura Binti Mustaffa

Cik Rabi'ah Binti Seman

Penulis

Perancangan / Dasar / Peranan Dan Tanggungjawab / Pengurusan Inkubator

En. Mohd Reza Fadhlán Bin Daud

En. Mohd Ali Bin Hamzah

Pendaftaran Perniagaan Inkubator

Cik Nor Shamila Binti Abdul Karim

Pn. Rahanita Binti Abd Rahman

Kewangan

Pn. Mastura Binti Mustaffa

En. Mohd Ali Bin Hamzah

Infrastruktur dan Fasiliti

Pn. Azila Binti Baharuddin

Pn. Faridatuljana binti Mohd Noor

Pengoperasian Inkubator / Penjanaan Nilai

Cik Rabi'ah Binti Seman

Cik Rusmaini Binti Ramly

Kolaborasi Berimpak Tinggi

Pn. Faridatuljana binti Mohd Noor

Penghargaan

Setinggi- tinggi penghargaan kepada

Tn. Haji Azirin Bin Abdul Aziz @Nong, Pengarah Politeknik Metro Johor Bahru, Puan Syazrah Binti Hamidon Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, JPPKK, Encik M. Azmi Bin Hj. Ruzali, Timbalan Pengarah, Bahagian Governance dan Kecemerlangan, JPPKK, Ts. Roseman Bin Mat Jidin @ Jidin, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan Program dan Institusi, JPPKK dan Encik Mohd Sahrizan Bin Sahrudin, Penolong Pengarah, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK dalam mencurahkan idea dan berkongsi ilmu serta maklumat dalam penulisan Buku Panduan Operasi Standard Inkubator Keusahawanan Politeknik Dan Kolej Komuniti.

Kata Aluan

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Ts. Zainab Binti Ahmad

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Buku Panduan Operasi Standard Inkubator Keusahawanan Politeknik Dan Kolej Komuniti telah berjaya dihasilkan.

Sekalung tahniah dan syabas saya titipkan kepada ahli panel yang terlibat atas kejayaan menghasilkan buku garis panduan ini.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), sumbangan semua ahli panel amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Buku Panduan Operasi Standard Inkubator Keusahawanan Politeknik Dan Kolej Komuniti disediakan untuk menjadi panduan asas kepada Institusi untuk mengoperasikan Pusat Latihan Keusahawanan Inkubator.

Keselarasan pelaksanaan Operasi Pusat Latihan Keusahawanan Inkubator secara standard akan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dan seterusnya dapat memenuhi Indeks Pencapaian Jabatan dalam menghasilkan Graduan Bercirikan Usahawan



Kata Aluan

Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar

Pn. Noranyza Binti Mohamad Yusoff

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Buku Panduan Operasi Standard Inkubator Keusahawanan Politeknik Dan Kolej Komuniti telah berjaya dihasilkan.

Sekalung tahniah dan syabas saya titipkan kepada ahli panel yang terlibat atas kejayaan menghasilkan buku garis panduan ini

Buku ini dihasilkan dengan mengambilkira untuk keselarasan Standard Operasi dalam melaksanakan Program-program latihan Keusahawanan pelajar di peringkat institusi. Ini juga salah satu inisiatif untuk menyokong atribut di bawah

Lonjakan 1: Graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang. (PPPM 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) Atribut ini akan menghasilkan graduan memiliki disiplin ilmu yang relevan, akhlak dan penetapan minda yang sesuai, tingkahlaku dan beradab untuk memajukan diri untuk memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, agama dan keharmonian global.

Harapan saya, agar pihak institusi dapat mengaplikasikan buku garis panduan ini dalam merancang dan melaksanakan program- program yang akan melahirkan usahawan graduan.



BAHAGIAN 1 : MAKLUMAT UMUM

1.1 Pengenalan

Idea mewujudkan satu Inkubator Keusahawanan telah dikemukakan pada Januari 2014 sebagai satu inovasi dalam kaedah pengajaran keusahawanan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Inkubator Keusahawanan merupakan satu inisiatif *Centre of Entrepreneurship Development Polytechnic and Community College (CEDev)* dalam usaha meningkatkan keberkesanan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Inkubator Keusahawanan merupakan satu kaedah pengajaran yang memberi ruang kepada para pelajar yang mempunyai minat yang tinggi untuk menjadi usahawan dari setiap jabatan akademik bagi menjalankan perniagaan sebenar di dalam kampus melalui inkubator di jabatan masing-masing. Ini selari dengan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang menggariskan Teras Ketiga iaitu memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan kepada pelajar-pelajar di institusi pendidikan tinggi bagi meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran di luar kelas secara praktikal.

Bertepatan dengan kehendak ini, program Inkubator Keusahawanan memerlukan setiap jabatan akademik mewujudkan sekurang-kurangnya satu inkubator keusahawanan mengikut bidang pengajian yang ditawarkan atau pelajar-pelajar dari pelbagai bidang akademik boleh terlibat dalam aktiviti perniagaan sebenar di inkubator. Ini sekaligus membuka minda dan minat pelajar untuk melihat bidang keusahawanan yang sangat luas dan boleh diceburi oleh sesiapa sahaja bukan hanya pelajar dalam bidang perdagangan. Malah, melalui program Inkubator Keusahawanan ini, semua pelajar juga berpeluang meningkatkan kemahiran dan ilmu dalam bidang keusahawanan melalui pembelajaran berasaskan perbuatan (*Learning by Doing*) di samping mempraktikkan kemahiran teknikal yang dipelajari dalam bidang masing-masing di bilik kuliah. Inkubator Keusahawanan telah meletakkan Politeknik dan Kolej Komuniti mempunyai kaedah pengajaran keusahawanan yang bukan sahaja secara teori di dalam bilik kuliah malah secara praktikal di inkubator. Inovasi dalam pengajaran keusahawanan ini diharap mampu mencapai objektif dasar pendidikan keusahawanan negara. Seiring dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

1.2 Kumpulan Sasar

Kumpulan sasaran bagi pelaksanaan program inkubator Keusahawanan ialah pelajar, ahli akademik, pengurus serta pentadbir Politeknik dan Kolej Komuniti.

1.3 Skop Program Inkubator Keusahawanan

Skop Program Inkubator Keusahawanan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan latihan keusahawanan
- ii. Program pembudayaan keusahawanan
- iii. Program pengukuhan inkubator keusahawanan

1.4 Objektif

Berikut adalah objektif program keusahawanan:

- i. Melahirkan insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan
- ii. Meningkatkan jumlah lulusan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya; dan
- iii. Membentuk ahli akademik, pentadbir dan warga Politeknik dan Kolej Komuniti yang berdaya usaha dan mempunyai minda keusahawanan.

1.5 Pusat Pembangunan Keusahawanan JPPKK

Pusat Pembangunan Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti (*Centre of Entrepreneurship Development for Polytechnic and Community College @ CEDev*) berfungsi sebagai pusat kecemerlangan aktiviti dan program keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Kertas permohonan program keusahawanan dan laporan pelaksanaan program serta surat menyurat berkaitan program keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti bolehlah dikemukakan kepada alamat berikut:


Pengarah
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Aras 6, Galeria PjH, Jalan P4w, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya
Tel: 0388883837
Faks: 0388882111
U.p: Timbalan Pengarah Unit Keusahawanan dan Alumni

1.6 Punca Kuasa


Tatacara pelaksanaan Pusat Latihan Keusahawanan Inkubator adalah berdasarkan kepada pekeliling, peraturan serta arahan-arahan semasa yang berkuat kuasa adalah seperti berikut:

- i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia
- ii. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016- 2020
- iii. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021- 2025
- iv. Pelan Strategik JPPKK
- v. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
- vi. Arahan- arahan Ketua Pengarah JPPKK

1.7 Model Pelaksanaan Inkubator Politeknik dan Kolej Komuniti



Rajah 1.1 : Model Pelaksanaan Inkubator di Kolej Komuniti



Rajah 1.2 : Model Pelaksanaan Inkubator di Politeknik

BAHAGIAN 2 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN INKUBATOR

2.1 Peranan Pusat Keusahawanan JPPKK

Peranan Pusat Keusahawanan JPPKK adalah bertanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- i. Memproses kertas cadangan program keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk pertimbangan dan kelulusan jawatan kuasa.
- ii. Mengemukakan surat makluman kelulusan program keusahawanan kepada institusi.
- iii. Memastikan penyaluran peruntukan kewangan disalurkan kepada institusi yang berkenaan dengan jumlah seperti mana yang telah diluluskan.
- iv. Memantau pelaksanaan program dan perbelanjaan peruntukan yang telah diluluskan.

2.2 Peranan Institusi

2.2.1 Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti

Peranan Institusi (Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti) adalah seperti berikut:

- i. Memastikan Unit Keusahawanan institusi masing-masing menjalankan program/ aktiviti keusahawanan dengan jayanya menggunakan peruntukan kewangan yang telah diluluskan.
- ii. Menyokong dan memberi galakan kepada sebarang aktiviti pendidikan keusahawanan pelajar atau tenaga pengajar yang dapat memberi manfaat di dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran pelajar.

2.2.2 Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti

Peranan Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah seperti berikut:

- i. Menyelaras dan membuat saringan kertas cadangan program keusahawanan daripada Jabatan/ Bahagian / Unit Politeknik dan Kolej Komuniti.
- ii. Mengemukakan kertas cadangan program keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti yang lengkap kepada Pusat Keusahawanan JPPKK.
- iii. Memastikan program dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif.
- iv. Memastikan keselamatan pelajar yang terlibat sebagai peserta terjamin sepanjang masa dan tidak terdedah kepada sebarang risiko yang boleh memudaratkan pelajar.
- v. Mengemukakan laporan pelaksanaan program dan prestasi perbelanjaan peruntukan setelah program dilaksanakan mengikut format yang disediakan.
- vi. Memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan dengan sewajarnya mengikut tatacara dan prosedur kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN 3 : PENGURUSAN INKUBATOR

3.1 Penubuhan Pasukan Inkubator

3.1.1 Pemilihan Perantis

Proses pelaksanaan Inkubator Keusahawanan bermula dengan pemilihan perantis di mana ia mengambil kira beberapa faktor antaranya minat pelajar dan telah mengambil Ujian Kecenderungan MyNEPT. Ujian Kecenderungan ini boleh diambil melalui laman sesawang <https://www.mynept.com>.

Rasional pemilihan pelajar-pelajar yang telah mengambil Ujian Kecenderungan MyNEPT kerana ia akan menjadi platform untuk mengukur sifat dan tingkah laku individu, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan individu serta untuk memahami keperibadian seseorang dalam melahirkan usahawan berjaya.

Selain itu, pengambilan pelajar untuk menyertai inkubator perlu dilaksanakan bermula dari Semester 1. Hebahan mengenai pengambilan pelajar untuk menyertai inkubator boleh dibuat antaranya melalui slot taklimat keusahawanan yang biasanya dilaksanakan dalam Minggu Suai Kenal, Program Pembudayaan Keusahawanan untuk pelajar-pelajar Semester 1 dan pencarian perantis baru inkubator keusahawanan yang dibuat oleh setiap inkubator pada awal semester. Pelajar yang telah melalui ujian kecenderungan dan mempunyai minat akan melalui proses temuduga untuk pemilihan sebagai Perantis. Proses temuduga ini akan dikendalikan oleh Mentor Keusahawanan dan Ketua Unit Keusahawanan untuk pemilihan calon akhir sebagai Perantis Inkubator Keusahawanan.

Bilangan **minimum** Perantis Inkubator bagi Politeknik dan Kolej Komuniti pada setiap semester adalah **satu (1)** pasukan yang terdiri daripada **empat (4)** orang perantis. Walau bagaimanapun, Politeknik dan Kolej Komuniti boleh menambah bilangan ini bergantung kepada kemampuan dan persetujuan bersama pihak institusi. Syarat utama pemilihan adalah satu pasukan mestilah dianggotai oleh empat orang perantis.

3.1.2 Pemilihan Bidang Perniagaan

Proses pemilihan bidang perniagaan sesuatu inkubator adalah mengikut bidang program Sijil atau Diploma yang ditawarkan di institusi tersebut. Sebagai contoh, sekiranya Politeknik dan Kolej Komuniti tersebut ada menawarkan program Sijil Teknologi Maklumat, maka bidang perniagaan bagi inkubator tersebut perlulah dalam bidang teknologi maklumat atau pengkomputeran. Oleh itu, perantis bagi satu-satu inkubator adalah digalakkan dari bidang yang sama.

3.2 Pendaftaran Perniagaan

3.2.1 Pendaftaran Perniagaan di Malaysia

Perniagaan adalah satu bentuk aktiviti urus niaga yang dijalankan bagi maksud mendapat keuntungan. Pemilik perniagaan hendaklah mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini termaktub di dalam Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957.

Walau bagaimanapun, para pelajar yang ingin memulakan perniagaan, tidak kira apa jua jenis perniagaan di dalam kampus Politeknik dan Kolej Komuniti, sama ada secara nyata atau secara perniagaan dalam talian, pemilik harus mendaftar nama syarikat mereka di CEDev, JPPKK. Pendaftaran perniagaan ini juga, merupakan sesi latihan perniagaan pelajar dalam proses pembelajaran di peringkat institusi.

3.2.2 Pendaftaran Inkubator di CEDev

Semua inkubator yang telah ditubuhkan di Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mendaftar dengan CEDev melalui Sistem Pendaftaran Perniagaan CEDev (SPPC) sebelum menjalankan operasi perniagaan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Mana-mana inkubator yang tidak mendaftar adalah tidak diiktiraf dalam sebarang program keusahawanan institusi dan tidak layak untuk mendapat sebarang peruntukan dari CEDev. Antara kepentingan pendaftaran melalui sistem SPPC adalah:

- i. Sebagai bukti bahawa perniagaan yang dijalankan itu adalah latihan keusahawanan oleh pelajar-pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti.
- ii. Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pengguna (dalaman dan luaran) dengan status perniagaan yang dijalankan.
- iii. Meningkatkan kredibiliti syarikat pelajar untuk jangka masa panjang.
- iv. Membantu mengatasi cabaran atau isu yang timbul terutamanya yang berkaitan dengan pasukan audit atau pihak berkuasa tempatan berkaitan status inkubator di Politeknik dan Kolej Komuniti
- v. Memudahkan urusan-urusan perniagaan bersama pembekal kerana keyakinan pembekal kepada syarikat pelajar yang berada di dalam Politeknik dan Kolej Komuniti.
- vi. Merupakan latihan awal perantis mempelajari proses perniagaan sebenar sebelum mendaftarkan syarikat di SSM untuk peluang-peluang yang lain.

Syarat-syarat Pendaftaran

- i. Pemilik mestilah pelajar Politeknik atau Kolej Komuniti.
- ii. Pemilik mestilah Warganegara Malaysia.
- iii. Pemilik / rakan kongsi sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan.

Pendaftaran Perniagaan Baharu

i. Cara Permohonan Nama Perniagaan

Pasukan atau Individu yang menjalankan latihan inkubator perlu menyediakan nama perniagaan bagi tujuan permohonan pendaftaran perniagaan inkubator di SPPC. Pendaftaran perniagaan inkubator pelajar mempunyai dua cara iaitu:

a. Nama Tred

Nama perniagaan tred adalah nama cadangan yang perlu semakan dan kelulusan supaya tidak sama perniagaan pendaftaran syarikat lain. **Contohnya; *Success Enterprise, GTE Trading dan Rainbow BS Resources.***

b. Nama Sendiri


Menggunakan nama sendiri seperti di dalam Kad Pengenalan yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara. Pendaftaran melalui nama sendiri tidak perlu semakan kelulusan untuk mendaftar perniagaan disebabkan nama tersebut adalah seperti didalam kad pengenalan. **Contohnya; *Ali bin Abu dan Mona binti Manaf.***

3.2.3 Sistem Pendaftaran Perniagaan CEDev (SPPC)

Inkubator yang baharu ditubuhkan **WAJIB** mendaftar Sijil Pendaftaran Dalaman melalui **SISTEM PENDAFTARAN PERNIAGAAN CEDev (SPPC)** untuk melayakkan diri di dalam penubuhan dan latihan inkubator baharu di institusi masing-masing. Ia merupakan salah satu rekod khas secara berpusat untuk mengawal dan menyelia inkubator institusi semasa dalam pengajian.

SPPC adalah sepenuhnya di bawah kawalan CEDev. Sebarang perubahan dan pengemaskinian maklumat inkubator hanya boleh dilaksanakan oleh inkubator yang telah berdaftar sahaja.

Setiap inkubator yang telah mendaftar akan mendapat *username* dan kata laluan yang unik bagi setiap Politeknik dan Kolej Komuniti. Hanya admin SPPC yang boleh mengubah sebarang proses di dalam SPPC. Prosedur penggunaan SPPC secara terperinci bolehlah merujuk kepada Manual Pengguna SPPC yang boleh diakses secara dalam talian oleh semua Ketua Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti.



Setiap Sesi Jun pengajian KU Keusahawanan akan bersedia untuk mewujudkan satu atau beberapa inkubator di institusi untuk sesi latihan.

Inkubator yang telah dipilih perlu mengikuti syarat pendaftaran perniagaan untuk rekod latihan perniagaan di institusi iaitu melalui sistem SPPC. Mereka perlu mengisi borang **Permohonan Pendaftaran Perniagaan Baharu** yang disediakan di Unit Keusahawanan Institusi Masing-masing.

Semasa proses permohonan ini, jika maklumat tidak lengkap atau nama tred telah digunakan. Permohonan yang disemak akan gagal untuk mendapatkan sijil pendaftaran perniagaan. Namun begitu, inkubator tersebut perlu memohon semula.

Permohonan yang berjaya, akan layak untuk mendapatkan eCertificate dan seterusnya boleh dicetak serta dipaparkan ditempat perniagaan.

Nota: eCertificate ini sah sehingga akhir pengajian di institusi masing-masing

Rajah 3.1 : Carta Alir Tatacara Pendaftaran Melalui SPPC

- Keterangan Sijil Pendaftaran Perniagaan Janaan SPPC



Rajah 3.2 : Sijil Pendaftaran SPPC

3.2.4 Borang Pendaftaran Perniagaan

Permohonan baharu perlu mengisi borang permohonan pendaftaran perniagaan untuk melengkapkan proses pendaftaran di peringkat institusi dan perekodan di Unit Keusahawanan. Borang pendaftaran ini merangkumi seperti perkara berikut :

- i. Nama Perniagaan (Tred / Nama Sendiri).
- ii. Tarikh Permulaan Perniagaan.
- iii. Alamat Institusi Latihan Perniagaan.
- iv. Maklumat Pemilik & Rakan Kongsi.
- v. Jenis Perniagaan / Perihal Perniagaan.
- vi. Kemukakan Perjanjian Perkongsian (jika ada)

Borang permohonan yang telah lengkap akan disahkan oleh Ketua Unit Keusahawanan untuk permohonan secara dalam talian di SPPC. Oleh itu, mentor dan pasukan inkubator seterusnya mestilah melalui Ketua Unit Keusahawanan dalam proses pendaftaran secara dalam talian.

Dokumen yang perlu dilampirkan adalah seperti berikut :

- i. Salinan Kad Pengenalan Individu / Pasukan Inkubator.
- ii. Salinan Kad Pelajar
- iii. Surat Lantikan sebagai Inkubator Politeknik dan Kolej Komuniti.
- iv. Perjanjian Perniagaan Perkongsian (jika ada).

3.2.5 Perubahan Maklumat Perniagaan

Jika maklumat sijil pendaftaran perniagaan terdapat perubahan, Pemilik / Pasukan Inkubator perlu mendapatkan **Borang Perubahan Maklumat Perniagaan** bagi mengubah maklumat atau perkara-perkara berikut :

- i. Perubahan Pemilik / Rakan Kongsi.
- ii. Perubahan Maklumat / Perihal Perniagaan.

Prosedur pendaftaran perubahan ini perlu melengkapkan borang yang disediakan. Pemilik / rakan kongsi perlu menandatangani ruangan tanda tangan untuk pengesahan perubahan maklumat. Dokumen pemilik / rakan kongsi baharu yang didaftarkan perlu disertakan di borang tersebut. Prosedur selanjutnya adalah mengisi secara dalam talian dibahagian perubahan maklumat melalui Ketua Unit Keusahawanan. Seterusnya, pemilik / rakan kongsi akan mendapat *eCertificate* baharu untuk dicetak dan dipaparkan.

3.2.6 Pembaharuan Sijil Perniagaan

Pemilik / Pasukan Inkubator yang berdaftar tidak perlu memperbaharui sijil pendaftaran. Ini kerana sijil pendaftaran yang telah didaftarkan di CEDev akan sah sehingga akhir semester pengajian.

Namun begitu, pembaharuan sijil perniagaan boleh dilakukan sekiranya:

- i. Perniagaan inkubator tahun semasa dibubarkan disebabkan isu-isu tertentu.

- ii. Pemilik / Pasukan inkubator menarik diri semasa latihan perniagaan dijalankan di institusi.
- iii. Pemilik / Pasukan inkubator bertukar ahli atau perniagaan.

3.2.7 Penamatan Perniagaan

Faktor-faktor penamatan perniagaan disebabkan perkara-perkara tersebut seperti:

- i. Pemilik / Pasukan Inkubator berhenti pengajian.
- ii. Pemilik / Pasukan Inkubator tangguh pengajian.


3.2.8 Kod Pendaftaran Perniagaan Inkubator Janaan SPPC

Kod Pendaftaran Perniagaan Inkubator janaan SPPC adalah berdasarkan kursus yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Ia merupakan singkatan nama kursus agar semua Pegawai/ Ketua Unit Keusahawanan dapat mengenal pasti pelajar-pelajar yang mendaftar. Ini memudahkan urusan pengurusan Unit Keusahawanan yang baru kerana Kod Kursus ini adalah sama yang akan digunapakai oleh semua Politeknik dan Kolej Komuniti seperti di Rajah 3.3. Berikut adalah contoh kod pendaftaran perniagaan inkubator janaan SPPC manakala Rajah 3.4 adalah penerangan maksud bagi kod tersebut.



C/KKB/FP/20/0001

Rajah 3.3: No. Pendaftaran SPPC



Rajah 3.4: Penerangan Kod Pendaftaran SPPC

3.3 Mentor

3.3.1 Mentor Keusahawanan

Mentor Keusahawanan boleh terdiri daripada pensyarah yang mengajar kursus/ modul keusahawanan, Ketua Unit Usahawan atau Penyelaras Unit Keusahawanan. Mentor keusahawanan akan bertindak sebagai penasihat perniagaan, pembimbing pengurusan, pemantau operasi perniagaan di inkubator serta penasihat kewangan kepada para perantis. Justeru, pemilihan Mentor Keusahawanan perlu dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang boleh menjalankan fungsi dengan baik bagi memastikan perantis mendapat bimbingan yang sepatutnya dalam tempoh latihan di inkubator.

a. Kriteria pemilihan Mentor Keusahawanan

- i. Pensyarah-pensyarah di jabatan akademik. Keutamaan kepada Pensyarah yang mengajar Kursus Keusahawanan.
- ii. Mempunyai pengalaman mengajar keusahawanan / perniagaan.
- iii. Pernah mengikuti mana-mana kursus asas keusahawanan.
- iv. Mempunyai pengalaman dalam perniagaan.
- v. Mempunyai minat yang tinggi.
- vi. Mempunyai komitmen yang tinggi terhadap keusahawanan pelajar.
- vii. Mendapat kebenaran oleh Ketua Jabatan.
- viii. Tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam perniagaan pelajar.

b. Peranan Mentor Keusahawanan

Peranan yang perlu dilaksanakan oleh Mentor Keusahawanan kepada inkubator setelah dilantik:

- i. Perantara maklumat antara Unit Keusahawanan, Ketua Jabatan dan pelajar.
- ii. Pembimbing dalam penjanaan idea perniagaan.
- iii. Pembimbing dalam penyediaan Rancangan Perniagaan di inkubator.
- iv. Pemudah cara dalam operasi perniagaan di inkubator.
- v. Pembimbing dari aspek pengurusan perniagaan di inkubator.
- vi. Pemudah cara dalam penyediaan laporan perniagaan inkubator oleh pelajar.
- vii. Pemantau pelaksanaan perniagaan di inkubator.
- viii. Penasihat kepada perantis dan perniagaan di inkubator.

c. Pelantikan Mentor Keusahawanan

Mentor yang telah mendapat kebenaran Ketua Jabatan (Politeknik) dan Ketua Unit Akademik (Kolej Komuniti) akan dilantik Oleh Pengarah Institusi.

d. Pengiktirafan Mentor Keusahawanan

Sijil pengiktirafan Mentor Keusahawanan akan diberikan setiap tahun selagi mentor tersebut masih dilantik dan berperanan sebagai mentor keusahawanan.

3.3.2 Mentor Industri

Bagi memastikan pelaksanaan perniagaan di inkubator dapat dijalankan dengan lebih baik, setiap inkubator perlu mengenal pasti mentor industri masing-masing yang bersesuaian dengan perniagaan yang akan dijalankan. Ini sebagai usaha memberi peluang kepada perantis menimba ilmu dan pengalaman serta dibimbing oleh usahawan sebenar yang menjalankan perniagaan hampir sama dengan operasi di inkubator. Usaha ini membolehkan perantis mendapat bimbingan teknikal dalam operasi perniagaan yang dijalankan dan menimba pengalaman sebenar daripada mentor industri.

Manakala pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan diperolehi melalui program-program bimbingan oleh mentor keusahawanan masing-masing di bawah pengurusan Unit Keusahawanan. Pemanduan mentor industri juga akan membantu dalam perkembangan perniagaan Inkubator Keusahawanan ke satu tahap yang lebih tinggi di luar kampus selepas perantis menamatkan latihan dan pengajian di Politeknik atau pun Kolej Komuniti.

a. Kriteria pemilihan Mentor Industri

Berikut adalah kriteria yang perlu dipenuhi untuk melantik Mentor Industri di Politeknik dan Kolej Komuniti:

- i. Merupakan usahawan sebenar terdiri daripada usahawan PKS / Usahawan ALUMNI / Korporat.
- ii. Mempunyai pengalaman sebagai usahawan melebihi 3 tahun.
- iii. Mempunyai kesanggupan untuk melatih pelajar/perantis.
- iv. Mempunyai minat yang tinggi.
- v. Mempunyai komitmen yang tinggi terhadap keusahawanan pelajar/perantis.
- vi. Mempunyai perancangan untuk membantu perkembangan perniagaan pelajar/perantis.
- vii. Tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam perniagaan pelajar/perantis.

b. Peranan Mentor Industri

Setelah dilantik, Mentor Industri ini berperanan sebagai:

- i. Penasihat kepada perantis dalam aspek operasi perniagaan.
- ii. Pembimbing dalam penjanaan idea perniagaan yang realistik di pasaran sebenar.
- iii. Pembimbing dalam kemahiran teknikal operasi perniagaan.
- iv. Pemudah cara dalam operasi perniagaan di inkubator.
- v. Pemudah cara dalam peluang-peluang perniagaan yang lebih luas.
- vi. Pembimbing dalam jaringan industri yang lebih kompetitif.

c. Pelantikan Mentor Industri

Mentor yang telah menyatakan persetujuan untuk terlibat dalam projek Inkubator Keusahawanan akan dilantik oleh Unit Keusahawanan dengan kelulusan Pengarah.

d. Pengiktirafan Mentor Industri

Sijil pengiktirafan Mentor Industri akan diberikan setiap tahun selagi mentor tersebut masih dilantik dan berperanan sebagai mentor industri.

BAHAGIAN 4 : KEWANGAN

4.1 Pengurusan Peruntukan

Pengurusan peruntukan adalah proses yang melibatkan perancangan, penyelarasan, pelaksanaan dan kawalan kewangan yang digunakan berkaitan dengan program atau aktiviti inkubator. Peruntukan yang diperolehi perlulah diuruskan dengan baik dan perbelanjaan perlulah dibuat secara berhemah.

4.1.1 Permohonan Peruntukan

Peruntukan kewangan untuk pelaksanaan program inkubator perlu dipohon daripada pihak JPPKK mengikut anggaran yang diperlukan. Pihak JPPKK melalui Unit Keusahawanan, BAPP akan menilai dan melihat keperluan permohonan bagi tujuan kelulusan.

4.1.2 Kriteria Asas Permohonan

- i. Kertas cadangan yang lengkap dan mempunyai kaedah pelaksanaan dan impak yang jelas.
- ii. Program inkubator yang dijalankan mestilah melibatkan pelajar bermula dari semester 1
- iii. Anggaran kos yang bersesuaian dengan kaedah pelaksanaan (*value for money*).
- iv. Impak program yang menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025 dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025.
- v. Peruntukan perlu digunakan untuk program yang telah diluluskan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perubahan program, Politeknik dan Kolej Komuniti hendaklah mendapatkan kelulusan daripada JPPKK terlebih dahulu.
- vi. Politeknik dan Kolej Komuniti adalah **digalakkan** untuk melaksanakan program inkubator secara kolaborasi dengan agensi-agensi lain dan mempunyai elemen perkongsian kos.

4.1.3 Penyediaan Kertas Cadangan

- i. Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mengemukakan kertas cadangan berkenaan penubuhan inkubator yang lengkap dan terperinci kepada JPPKK. Format kertas cadangan adalah mengikut format semasa.
- ii. Kertas Cadangan Inkubator yang dihasilkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti perlu mendapat sokongan dan kelulusan daripada pihak pengurusan institusi masing-masing terlebih dahulu sebelum dibawa untuk kelulusan JPPKK.
- iii. Kertas cadangan yang telah dihantar kepada JPPKK akan dibawa kepada Jawatankuasa Unit Keusahawanan yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian BAPP untuk mendapatkan kelulusan.
- iv. Surat makluman berkenaan kelulusan program dan penyaluran peruntukan akan diedarkan kepada Politeknik dan Kolej Komuniti dan program yang diluluskan perlu dilaksanakan sewajarnya.

4.1.4 Pemberitahuan Keputusan dan Penyaluran Peruntukan


- i. Surat makluman kelulusan program keusahawanan akan dikemukakan kepada Politeknik dan Kolej Komuniti berkenaan melalui Pengarah.
- ii. Pihak JPPKK akan memaklumkan kepada Unit Keusahawanan setelah penyaluran peruntukan ke Institusi dibuat dan disalinkan kepada Bahagian Kewangan di Politeknik dan Kolej Komuniti berkenaan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.
- iii. Politeknik dan Kolej Komuniti masih tertakluk kepada tatacara perolehan dan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

4.1.5 Perbelanjaan Peruntukan

Peruntukan yang telah diperolehi perlu dibelanjakan sebagaimana yang telah diluluskan dalam kertas cadangan dan mematuhi prosedur perbelanjaan. Pemantauan dan pelaporan juga perlu dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan.

a. Prosedur Perbelanjaan

- i. Peruntukan yang diluluskan hanya boleh digunakan untuk tujuan pemberian **latihan yang berkaitan dengan peningkatan pengetahuan dan kemahiran** dalam bidang keusahawanan yang telah diperakui dan diluluskan oleh JPPKK. Peruntukan ini tidak boleh digunakan bagi sebarang program atau tujuan lain.
- ii. Pengurusan kewangan perlu dilaksanakan mengikut tatacara pengurusan kewangan kerajaan yang sedang berkuatkuasa. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan semasa)
- iii. Peruntukan yang telah diluluskan hendaklah dibelanjakan dalam tahun kewangan semasa.



Rajah 4.1: Carta Alir Permohonan Peruntukan

4.2 Sumber Modal Inkubator

Sumber modal perniagaan inkubator boleh terdiri daripada beberapa saluran pembiayaan, iaitu;

4.2.1 Sumbangan Agensi

Secara umumnya banyak agensi di Malaysia yang menawarkan pembiayaan dan juga geran perniagaan kepada usahawan di Malaysia. Tujuan pembiayaan dan dana tersebut adalah untuk membantu usahawan di Malaysia mengembangkan perniagaan mereka.

Bagi mendapatkan sumbangan atau dana ini, Institusi boleh memohon mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

4.2.2 Sumbangan luar/ Industri

Pihak luar atau industri adalah merupakan penyumbang dana secara sukarela kepada inkubator. Sumbangan yang boleh diterima adalah dalam bentuk peralatan atau bahan luak sahaja. Penerimaan sumbangan tersebut perlu didaftarkan mengikut tatacara terimaan sumbangan seperti dalam Pekeliling Perbendaharaan Semasa.

BAHAGIAN 5 : INFRASTRUKTUR DAN FASILITI


5.1 Penyediaan Ruang Inkubator

Berikut adalah cadangan penyediaan ruang khas untuk pengoperasian Inkubator Keusahawanan pelajar bagi tujuan latihan keusahawanan:

- i. Menggunakan ruang dan fasiliti sedia ada di institusi untuk pengoperasian inkubator keusahawanan.
- ii. Guna sama ruang dan fasiliti PdP untuk pengoperasian inkubator keusahawanan.
- iii. Menaik taraf dan menukar fungsi ruang sedia ada / baharu sekiranya tiada ruang khas untuk pengoperasian inkubator keusahawanan.
- iv. Permohonan sewaan ruang baharu bagi tujuan pengoperasian inkubator keusahawanan.

5.2 Menggunakan ruang dan fasiliti sedia

5.2.1 Tatacara




Rajah 5.1: Penggunaan ruang sedia ada

- Lokasi / ruang yang dipilih perlu strategik dan mudah diakses untuk menyokong pengoperasian inkubator keusahawanan yang dilaksanakan.

5.3 Guna Sama Ruang Dan Fasilitas PdP


5.3.1 Tatacara



Rajah 5.2: Guna sama ruang dan Fasilitas PdP

5.4 Menaik Taraf Dan Menukar Fungsi Ruang Sedia Ada / Baharu Sekiranya Tiada Ruang Khas

5.4.1 Tatacara




Rajah 5.3: Menaik taraf dan menukar fungsi ruang sedia ada/ permohonan baharu

- Ruang dan premis tersebut hendaklah menepati kriteria kemudahan dan keselamatan bagi sesebuah tempat / bangunan.
- Keluasan tapak atau bangunan perlulah memenuhi keperluan pengoperasian (kampus/program /subjek) dengan merujuk kepada *Schedule of Accommodation (SOA)*.
- Rujuk kepada penentuan konsep fizikal dan peralatan
- Lokasi pengubahsuaian perlu dipastikan tiada sekatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Daerah / Perbandaran dan Pejabat Tanah dan Galian.

5.5 Permohonan Sewaan Ruang Baharu


5.5.1 Tatacara



Rajah 5.4: Permohonan ruang sewaan baharu

5.6 Penglibatan Alumni Usahawan Atau Rakan Industri

5.6.1 Tatacara



Rajah 5.5: Permohonan untuk Alumni atau rakan industri

- Alumni Usahawan atau Rakan Industri yang ditawarkan ruang niaga di dalam pengoperasian keusahawanan perlu membayar sewaan kepada institusi.

BAHAGIAN 6 : PENGOPERASIAN INKUBATOR


6.1 Proses Pengoperasian Inkubator

Proses pengoperasian Inkubator Keusahawanan secara keseluruhannya boleh dijelaskan melalui Jadual SIPOC Inkubator Keusahawanan (Jadual 6.1) dan Rajah SWIMLANE (Rajah 6.1). Proses ini memberi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program Inkubator Keusahawanan di Politeknik dan Kolej Komuniti yang melibatkan Ketua Unit Keusahawanan (KUK), Penyelaras Unit Keusahawanan (Penyelaras UK), Mentor Keusahawanan dan seterusnya Pelajar yang akan dikenali sebagai Perantis. Para pelajar yang telah terpilih sebagai Perantis Inkubator Keusahawanan akan melalui proses bimbingan ini bermula dari langkah penjanaan idea perniagaan sehinggalah operasi perniagaan di inkubator dan mendapat manfaat nilai di sepanjang tempoh latihan di inkubator ini.

Jadual 6.1 : SIPOC Inkubator Keusahawanan

SOURCE OF INPUT	INPUT	SUB-PROCESS	OUTPUT	PERSON IN CHARGE
Ketua Unit Keusahawanan	Takwim	TAKLIMAT INKUBATOR KEUSAHAWANAN	Senarai nama peserta yang berminat	Penyelaras UK
Penyelaras UK	Senarai nama peserta yang berminat	PENDAFTARAN	Borang pendaftaran Senarai nama peserta	Penyelaras UK
Penyelaras UK	Borang pendaftaran Senarai nama peserta	PEMBAHAGIAN PESERTA MENGIKUT INKUBATOR	Senarai nama mengikut inkubator	Penyelaras UK
Penyelaras UK	Senarai nama mengikut inkubator	PERJUMPAAN BERSAMA MENTOR KEUSAHAWANAN	Cadangan idea perniagaan	Mentor Keusahawanan Perantis
Mentor Keusahawanan Perantis	Cadangan idea perniagaan	BENGKEL RANCANGAN PERNIAGAAN	Rancangan perniagaan	Mentor Keusahawanan dan Perantis
Mentor Keusahawanan Perantis	Rancangan perniagaan	<i>START-UP BOOTCAMP</i>	Alat pemasaran Pendaftaran perniagaan	Penyelaras UK, Mentor Keusahawanan dan Perantis

SOURCE OF INPUT	INPUT	SUB-PROCESS	OUTPUT	PERSON IN CHARGE
			dengan CEDev	
Perantis	Pendaftaran perniagaan dengan CEDEV	MEMULAKAN PERNIAGAAN	Rekod kewangan Jadual bertugas Rekod pelanggan Lain-lain rekod berkaitan	Mentor Keusahawanan dan Perantis
Perantis	Rekod kewangan Jadual bertugas Rekod pelanggan Lain-lain rekod berkaitan	MENYEDIAKAN LAPORAN BULANAN	Laporan bulanan	Mentor Keusahawanan
Mentor keusahawanan	Laporan bulanan	MENYEMAK LAPORAN	Laporan yang telah disemak	Mentor Keusahawanan Penyelaras UK
Penyelaras UK	Laporan yang telah disemak	MENYELENGGARA LAPORAN AKHIR	Laporan akhir	KUK Ketua Jabatan




Rajah 6.2 : SWIMLANE Inkubator Keusahawanan

6.2 Operasi Perniagaan

Operasi perniagaan merupakan fasa terakhir dalam inkubator di mana para perantis perlu menjalani sekurang-kurangnya 2 semester untuk operasi perniagaan di Inkubator Keusahawanan. Perantis akan didedahkan dengan pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) apabila mereka perlu menjalankan operasi perniagaan di inkubator termasuklah pemasaran, kewangan dan operasi perniagaan dari semasa ke semasa dengan bimbingan oleh Mentor Keusahawanan dan Mentor Industri yang dilantik.

Berikut adalah cadangan carta organisasi bagi inkubator keusahawanan di institusi.



Rajah 6.3: Carta Organisasi

6.3 Prosedur Pengurusan Kewangan

6.3.1 Perekodan Kewangan

Setiap inkubator perlu menyimpan rekod kewangan perniagaan yang tersusun dan sistematik. Rekod yang perlu disediakan oleh inkubator adalah seperti berikut;

- i. Buku Tunai / Penyata Aliran Tunai
- ii. Penyata Pendapatan Komprehensif
- iii. Penyata Kedudukan Kewangan
- iv. Resit- resit pembayaran

6.4 Latihan dan Peningkatan Kemahiran Keusahawanan

Berikut adalah cadangan modul latihan yang boleh digunakan dalam sesi pengajaran & pembelajaran di Inkubator Keusahawanan:

- i. *Business Model Canvas* (BMC)
- ii. Rancangan Perniagaan
- iii. Komunikasi Berkesan
- iv. Pengurusan Perniagaan (Pentadbiran, Operasi, Pemasaran, Kewangan)
- v. Teknik & Strategi Pemasaran Berkesan
- vi. Pemasaran *Online & Offline*
- vii. Alat-alat Pemasaran Berkesan
- viii. Amalan Perniagaan Beretika
- ix. Kaedah Perniagaan dalam Islam
- x. *Softskill* (Potensi Diri, Kerjasama Pasukan & lain-lain)

Institusi juga boleh menyediakan latihan yang lain selain di atas mengikut kesesuaian institusi masing-masing.

6.5 Pemantauan

Kaedah pemantauan terhadap prestasi dan pencapaian Inkubator Keusahawanan dilaksanakan dalam dua cara iaitu Laporan Operasi Inkubator Berkala dan Pelaporan Hasil Jualan Bulanan.

6.5.1 Laporan Operasi Inkubator Berkala

Laporan perlu disediakan oleh perantis inkubator dan dihantar kepada Mentor Keusahawanan sekali pada setiap semester menggunakan format seperti berikut:

- i. Pengenalan Inkubator
- ii. Perantis Inkubator
- iii. Mentor Keusahawanan
- iv. Mentor Industri
- v. Laporan Pentadbiran
- vi. Laporan Operasi
- vii. Laporan Pemasaran
- viii. Laporan Kewangan
- ix. Perancangan akan datang

6.5.2 Laporan Hasil Jualan Bulanan

Pelaporan hasil jualan bulanan perlu dimaklumkan kepada Unit Keusahawanan pada setiap bulan berakhir 30hb. Ini bagi tujuan perekodan prestasi perniagaan inkubator di Unit Keusahawanan dan pelaporan prestasi kepada pihak-pihak yang berkepentingan lain seperti Pihak Penaja / Agensi Pembiaya (jika berkaitan), JPPKK dan KPT.

BAHAGIAN 7 : KOLABORASI BERIMPAK TINGGI

7.1 Strategi Kolaborasi

Secara umum kolaborasi berimpak tinggi membawa maksud sesuatu kerjasama yang dijalinan oleh institusi dan kolaborasi ini mestilah berjaya meningkatkan sekurang-kurangnya satu dari tiga komponen di bawah. Jika sesuatu kerjasama berjaya meningkatkan ketiga-tiga komponen di bawah sekaligus, maka itulah kerjasama yang paling tinggi impaknya. Pemilihan rakan kolaborasi juga boleh dipilih daripada sekitar kawasan atau daerah institusi. Rakan kolaborasi yang dipilih ini mestilah yang boleh membantu keusahawanan di institusi.

Tiga komponen utama dalam menjayakan kolaborasi berimpak tinggi adalah:

- a. Meningkatkan keperibadian pelajar yang bermaksud meningkatkan empat perkara berikut; kemahiran insaniah, akhlak dan moral, jati diri kebangsaan, dan kebolehpasaran.
- b. Meningkatkan citra institusi:
 - menubuhkan jawatankuasa penasihat keusahawanan yang dianggotai oleh agensi dan industri
 - memperluaskan jaringan rakan industri / agensi yang menyokong pembangunan keusahawanan IPT
 - membuat padanan antara pelabur dengan perniagaan pelajar
 - mempromosi institusi sebagai peneraju institusi TVET yang unggul
 - memperbanyak program keusahawanan berstruktur iaitu *siswapreneur* mengikut kluster perniagaan seperti peruncitan, agrikultur, teknologi kejuruteraan, teknologi komunikasi dan maklumat, industri kreatif dan multimedia, sukan dan sebagainya.
 - kecemerlangan dalam semua bentuk pertandingan dalam dan luar negara
 - memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pelajar yang cemerlang dalam aspek keusahawanan untuk menjadi motivasi kepada pelajar lain.
- c. Meningkatkan aktiviti keusahawanan yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat kampus, masyarakat dalam dan luar negara:
 - melantik usahawan tamu (*entrepreneur-in-residence*) sebagai mentor dan pakar rujuk agenda keusahawanan IPT.
 - membangunkan platform dalam talian bagi pelabur menyumbang dana pembiayaan perniagaan pelajar melalui jaringan agensi / industri.
 - program khidmat masyarakat yang berteraskan keusahawanan secara konsisten berasaskan bidang yang ditawarkan oleh institusi.
 - menambah bilangan dan mengiktiraf program sangkutan, perantisan, pementoran atau bimbingan keusahawanan sebagai alternatif kepada keperluan latihan industri pelajar.
 - memperbanyak program alumni bersama komuniti atau usahawan pelajar di institusi

7.2 Rakan Strategik

Rakan strategik penting dalam membina pengalaman pelajar mengharungi bidang keusahawanan. Di sini pelajar, pengusaha dan ahli pensyarah akan berjumpa dan menimba ilmu di samping membina jaringan perniagaan. Rakan strategik biasanya terdiri daripada Industri dan agensi kerajaan yang ingin berkongsi manfaat perniagaan bersama melalui jalinan kerjasama dengan mengadakan LOI / COC / MoU / NoU.

Antara potensi Rakan Strategik dalam sesebuah institusi adalah mencakupi perkara-perkara berikut:

- i. Latihan
 - a) Menyediakan latihan keusahawanan untuk pelajar
 - b) Menyediakan dan menawarkan platform pembelajaran untuk usahawan pelajar
- ii. Mentoring
 - a) Menyediakan latihan dan bimbingan kepada usahawan perantis
- iii. Insentif
 - a) Memberi peruntukan untuk penghargaan jenama atau pertandingan yang menggunakan menggunakan nama industri atau rakan industri
- iv. Penajaan
 - a) Membantu memberikan insentif / pinjaman / modal atau sumbangan kepada Perantis Usahawan Pelajar atau Alumni

*** Institusi boleh mewujudkan kerjasama strategik dengan mana- mana industri atau agensi yang memberi impak kepada institusi.

BAHAGIAN 8 - PENJANAAN NILAI

8.1 Penjanaan Nilai

Program Inkubator Keusahawanan ini dijangka akan memberi penjanaan nilai dan manfaat kepada pelbagai pihak yang terlibat termasuk pelajar, pensyarah, institusi, komuniti dan industri.

8.1.1 Peserta/Pelajar Inkubator

Sebagai perantis Inkubator Keusahawanan, pastinya para pelajar mendapat penjanaan nilai yang tertinggi dari pelbagai aspek manfaat termasuklah:

- i. Penguکuhan ilmu pengetahuan.
- ii. Peningkatan kemahiran dan kompetensi keusahawanan.
- iii. Latihan dan bimbingan keusahawanan.
- iv. Pengalaman menjalankan perniagaan sebenar.
- v. Imbuan dari hasil perniagaan.
- vi. Sijil Pengiktirafan sebagai perantis.
- vii. Peluang membina jaringan perniagaan seawal dalam tempoh pengajian.

8.1.2 Pensyarah/Mentor Keusahawanan

Melalui program ini, para pensyarah yang menjadi Mentor Keusahawanan akan berpeluang mendapat penjanaan nilai seperti berikut:

- i. Peluang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang keusahawanan melalui kursus-kursus peningkatan kompetensi.
- ii. Pengalaman menguruskan sebuah perniagaan sebenar melalui konsep inkubator keusahawanan dalam kampus.
- iii. Peluang meningkatkan kepakaran dalam aspek bimbingan dan konsultasi dalam bidang perniagaan.
- iv. Sijil pengiktirafan sebagai Mentor Keusahawanan.
- v. Imbuan mentor sebagai ganjaran di atas sumbangan kepakaran, masa dan tenaga dalam membantu menguruskan perniagaan pelajar di inkubator atas pertimbangan pihak pengurusan Institusi masing-masing.

8.1.3 Mentor Industri

Melalui program ini, pihak industri yang dilantik menjadi Mentor Industri pula akan berpeluang mendapat penjanaan nilai seperti berikut;

- i. Meningkatkan kredibiliti sebagai usahawan melalui program bimbingan yang diberi.
- ii. Meningkatkan imej korporat perniagaan.
- iii. Peluang menyumbang semula kepada masyarakat khususnya kepada pelajar.
- iv. Sijil Penghargaan sebagai Mentor Industri.
- v. Imbuan Mentor Industri bagi perjumpaan rasmi berdasarkan keperluan inkubator pada satu-satu masa. **(Sumber pembayaran adalah daripada peruntukan aktiviti keusahawanan)**

8.1.4 Institusi

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, Politeknik dan Kolej Komuniti turut dapat mencapai penjanaan nilai daripada program Inkubator Keusahawanan ini seperti berikut:

- i. Membantu mencapai KPI Keusahawanan yang ditetapkan iaitu melahirkan lebih ramai usahawan dalam kampus seterusnya menjadi usahawan graduan selepas tamat pengajian.
- ii. Melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam kalangan lepasan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan *job creator* khususnya dalam era Revolusi Industri 4.0.
- iii. Melahirkan pelajar-pelajar yang holistik dan berciri keusahawanan dari pelbagai latar belakang akademik.
- iv. Menjadi Pusat Latihan Keusahawanan yang cemerlang dan menjadi rujukan bukan sahaja pelajar dalam kampus malah juga usahawan sebenar.

8.1.5 JPPKK

Pelaksanaan Inkubator Keusahawanan di setiap institusi pastinya memberi impak yang besar kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) khususnya dalam pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) keusahawanan. Berikut merupakan penjanaan nilai kepada JPPKK:

- i. CEDev akan menjadi sebuah pusat keusahawanan yang mampu melahirkan lebih ramai usahawan graduan lepasan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- ii. JPPKK akan mempunyai pangkalan data berpusat dalam pengurusan rekod pencapaian pelajar keusahawanan melalui pengurusan inkubator bersistem di bawah CEDev.

PENUTUP

Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti hendaklah mematuhi garis panduan ini dalam melaksanakan/ mengoperasi Pusat Latihan Inkubator keusahawanan.

Ketua Jabatan hendaklah memantau pematuhan garis panduan Inkubator Keusahawanan untuk melancarkan tadbir urus pengurusan kewangan, pembangunan, perakaunan, perolehan serta pengauditan organisasi dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian JPPKK/KPT.

Rujukan

1. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016- 2020
2. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021- 2025
3. Dasar Keusahawanan Nasional 2030
4. Rangka Kerja TVET 4.0
5. Iskandar (Teuku.), *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, Kuala Lumpur

AGENSI-AGENSI SOKONGAN KEUSAHAWANAN




KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA (KPDNHEP)



*Sila rujuk laman web agensi yang berkenaan untuk melihat jenis sokongan yang diberikan.

**BUKU PANDUAN OPERASI STANDARD
INKUBATOR KEUSAHAWANAN
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Disediakan




.....
(Pn. Noranyza Binti Mohamad Yusoff)

Pengerusi

Penulisan Buku Garis Panduan Operasi Standard Inkubator Keusahawanan
Politeknik dan Kolej Komuniti.

Tarikh: 29 Januari 2021

Diluluskan Oleh



.....
(Ts. Zainab Binti Ahmad)

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Tarikh: 29 Januari 2021



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar Jabatan
Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Galeria PJh,
Aras 6, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4, 62100
W.P. Putrajaya

Tel: +603-8888 3837

Faks: +603-8888 2111

e ISBN 978-967-17082-3-1



9 789671 708231